

## **KESEDARAN DAN KEPERLUAN GURU MENGENAI MODUL TEKNIK BACAAN DIALOGIK DI PRASEKOLAH SJK(C)**

### *Awareness and Needs of Teachers Regarding Dialogic Reading Techniques Modules in SJK(C) Preschool*

Bung Qian Min<sup>\*1</sup>, Romarzila Omar<sup>2</sup>, Ruslan Abdullah<sup>3</sup>

Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti  
Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA<sup>1&2</sup>

Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, 59990, Lembah Pantai,  
Kuala Lumpur, MALAYSIA<sup>3</sup>

qianminbung@gmail.com<sup>1</sup>, corresponding author: romarzila@fpm.upsi.edu.my<sup>2</sup>  
ruslan@ipgkmbm.edu.my<sup>3</sup>

*\*Corresponding Author*

**Published:** 08 August 2022

**To cite this article (APA):** Bung, Q. M., Omar, R., & Abdullah, R. (2022). Awareness and Needs of Teachers Regarding Dialogic Reading Techniques Modules in SJK(C) Preschool. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 11*, 22-34. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.sp.3.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.sp.3.2022>

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran guru dan keperluan guru mengenai modul teknik bacaan dialogik di prasekolah SJK(C). Objektif kajian ini adalah untuk; (i) mengenal pasti tahap kesedaran guru dari aspek pengetahuan dan kemahiran mengenai teknik bacaan dialogik; dan (ii) mengenal pasti tahap keperluan guru mengenai modul teknik bacaan dialogik di prasekolah SJK(C). Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan menggunakan kaedah kuantitatif. Seramai 86 orang guru prasekolah SJK(C) yang mengajar di negeri Perak terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan borang soal selidik dalam pengumpulan data. Kesemua data telah dianalisis menggunakan perisian SPSS-23. Dapatan soal selidik kajian ini menunjukkan pengetahuan guru (Min=2.02, SP = 0.530) dan kemahiran guru (Min=1.99, SP=0.473) terhadap teknik bacaan dialogik berada pada tahap rendah manakala keperluan guru terhadap pembinaan modul teknik bacaan dialogik berada pada tahap tinggi (Min=4.25, SP=0.461) dan mendapat keputusan 0.925 untuk kebolehpercayaan menggunakan *Cronbach Alpha*. Implikasi kajian ini adalah pembinaan modul teknik bacaan dialogik amat diperlukan dalam prasekolah SJK(C) untuk menjadi garis panduan kepada guru-guru prasekolah dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) subjek Bahasa Melayu.

**Kata kunci:** teknik bacaan dialogik, modul, pengetahuan, kemahiran, kesedaran, guru-guru prasekolah SJK(C)

### **ABSTRACT**

*This study aimed to identify the level of awareness of teachers and the needs of teachers on dialogic reading technique modules in SJK(C) preschool. The objectives of this study were to; (i) identify the level of awareness of teachers in terms of knowledge and skills on dialogic reading techniques; and (ii) identify the level of needs of teachers on dialogic reading techniques modules in SJK(C) preschool. The design of this study was a survey study using quantitative methods. A total of 86 SJK (C) preschool teachers who teach in Perak were involved in this study. This study used a questionnaire in data collection. All data were analyzed using SPSS-23 software. The findings from the questionnaires showed that teachers' knowledge (Mean =2.02, SD = 0.530) and teachers' skills (Mean=1.99, SD=0.473) on dialogic reading techniques were at low levels, while teachers' requirements for the construction of dialogic reading technique modules were at high levels (Mean=4.25, SD=0.461), with a score of 0.925 for reliability using Cronbach's Alpha. The implication of this study is that the construction of dialogic reading technique modules is very necessary in preschool SJK (C) to be a guideline for preschool teachers in the process of learning and facilitation (PdPc) Malay Language.*

**Keywords:** *dialogic reading techniques, modules, knowledge, skills, awareness, SJK(C) preschool teachers*

## **PENGENALAN**

Teknik bacaan dialogik (*dialogic reading*) yang telah lama diperkenalkan di luar negara tetapi masih kekurangan sambutan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di Malaysia. Whitehurst dan rakan-rakan telah mengembangkan pendekatan bacaan dialogik (*Dialogic reading*) berdasarkan model Vygotsky (1978) yang menyokong pembelajaran kanak-kanak dalam konteks sosial (Whitehurst et al., dalam Grolig et al., 2020). Bacaan dialogik (*Dialogic reading*) merupakan amalan membaca buku bergambar interaktif yang direka untuk meningkatkan bahasa kanak-kanak dan kemahiran literasi. Bacaan dialogik yang dilaksanakan di luar negara telah memberi implikasi dan sumbangan yang baik dalam meningkatkan perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah terutamanya aspek kemahiran membaca. Dalam kajian Simsek dan Erdogan (2015), bacaan dialogik menyokong semua bidang perkembangan bahasa serta meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak berbanding teknik bacaan tradisional. Bacaan dialogik dapat memberi peluang kepada kanak-kanak mengekspresi pendapat mereka dalam ayat sendiri daripada orang dewasa membaca buku itu. Kebanyakan guru di Malaysia masih tidak mengenali teknik PEER dan CROWD dalam bacaan dialogik yang dapat meningkatkan perkembangan bahasa kanak-kanak.

Menurut Awang dalam Ooi (2018), Bahasa Melayu (BM) diangkat martabatnya menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara kerana pendidikan merupakan wadah terpenting dalam menyatukan masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Keupayaan membaca merupakan sebahagian daripada kemahiran berbahasa. Membaca adalah satu kemahiran bahasa yang penting kerana kelemahan penguasaan bahasa akan menjejaskan kemajuan kanak-kanak (Nor et al., 2020). Kebolehan membaca merupakan faktor utama dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang berkesan. Walau bagaimanapun, kemahiran membaca dalam kalangan murid di negara Malaysia semakin merosot. Pendapat ini disokong oleh *Malaysia Education Blueprint 2012-2025* (Malaysia Education Blueprint 2012-2025) yang menyatakan bahawa jumlah pelajar kita berada di bawah penilaian minimum TIMSS dalam kemahiran membaca berbanding dengan negara-negara OECD (Peng C.F, 2015). Dalam kajian Shakirah dan Saiful (2017) juga menyatakan bahawa fenomena murid-murid tidak dapat menguasai kemahiran membaca dalam perkataan masih menjadi isu yang disebut-sebut oleh masyarakat.

Berdasarkan pengalaman mengajar, penyelidik telah mendapati masalah pembelajaran yang sama iaitu murid-murid kurang berminat membaca dalam subjek Bahasa Melayu

terutamanya membaca perkataan dan ayat sering berlaku di dalam kelas prasekolah. Murid-murid juga kurang memahami apa yang mereka telah membaca dalam buku Bahasa Melayu. Daripada masalah yang penyelidik hadapi ini, timbul pelbagai persoalan di dalam minda. Apakah tindakan yang boleh dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini? Aspek kefahaman membaca sering ditinggalkan oleh guru prasekolah dalam sesi pengajaran dan pembelajaran kerana biasanya guru prasekolah mahukan murid-murid dapat membaca dengan lancar tanpa memahami isi. Menurut Singh dan Mishra dalam Ayob (2017), beberapa kajian yang dilakukan telah memaparkan bahawa pengajaran dan pembelajaran membaca dalam kalangan kanak-kanak tidak memberikan tumpuan kepada aspek kefahaman. Oleh itu, penyelidik berharap kajian ini dilaksanakan dapat mengenal pasti kesedaran dan keperluan guru mengenai modul teknik bacaan dialogik dalam subjek Bahasa Melayu supaya dapat membantu meningkatkan penguasaan bahasa, minat dan motivasi murid terhadap subjek Bahasa Melayu. Menurut Dick dan Carey dalam Ngu (2016), modul merupakan pakej pendidikan yang mempunyai tema bersepadu untuk membangunkan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran khusus dan berfungsi sebagai salah satu ilmu pengetahuan dan kemahiran khusus dan berfungsi sebagai salah satu komponen daripada keseluruhan kursus atau kurikulum.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara spesifiknya, dua objektif dikemukakan seperti berikut:

- i. Mengetahui kesedaran guru dari aspek pengetahuan dan kemahiran mengenai teknik bacaan dialogik di prasekolah SJK(C).
- ii. Mengetahui keperluan guru mengenai modul teknik bacaan dialogik di prasekolah SJK(C).

## **METODOLOGI**

Reka bentuk kajian ini merupakan satu kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan kaedah kuantitatif melalui instrumen soal selidik. Reka bentuk kajian adalah penting serta harus diberikan tumpuan yang menyeluruh untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Kajian tinjauan digunakan untuk melihat kesedaran dan keperluan guru mengenai modul teknik bacaan dialogik. Kajian ini melibatkan guru-guru prasekolah yang mengajar di prasekolah SJK(C) di negeri Perak. Persampelan bertujuan dilaksanakan dengan melibatkan kesemua guru prasekolah SJK(C) di negeri Perak yang berjumlah 86 orang dalam kajian ini. Lapisan guru-guru prasekolah di negeri perak diwujudkan untuk membolehkan penyelidik menggunakan kaedah dan prosedur yang bersesuaian. Perisian komputer *Statistical Package for The Sosial Science (SPSS) version 23* telah digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini. Penyelidik dapat mengumpul maklumat daripada responden kajian dalam satu masa melalui penggunaan instrumen soal selidik dalam memahami ciri-ciri keseluruhan kajian. Data-data yang dikumpulkan telah dianalisis berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Kaedah yang tepat dapat menentukan keberkesanan sesuatu kajian dan mempengaruhi hasil dapatan yang akan diperolehi.

Instrumen merupakan cara yang digunakan untuk mengumpulkan data. Kajian ini telah dijalankan berdasarkan kaedah kuantitatif. Instrumen soal selidik telah digunakan untuk

mendapatkan data dalam kajian ini. Data dan maklumat yang diperolehi melalui soal selidik adalah lebih tepat dan mudah. Kaedah ini juga dapat menjimatkan kos, masa dan senang untuk mendapat kerjasama daripada responden serta dapat menghasilkan item-item yang konsisten dan boleh dipercayai. Soal selidik ini direkabentuk berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian.

Menurut Chua dalam Yu (2018), responden hanya dapat menumpukan perhatian kepada item soal selidik selama 10 minit hingga 20 minit sahaja dan dicadangkan minimum sebanyak 10 soalan dan maksimum 30 soalan. Instrumen soal selidik kajian ini telah diubahsuai dan diadaptasi daripada borang soal selidik Ward (2018) dalam kajiannya. Borang soal selidik telah dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Bahagian A berkaitan maklumat latar belakang responden manakala bahagian B, bahagian C dan bahagian D untuk mendapatkan maklumat tentang persoalan kajian 1 dan merangkumi sebanyak 25 soalan.

**Jadual 1.1**  
 Maklumat Instrumen Soal Selidik

<b>BAHAGIAN</b>	<b>MAKLUMAT INSTRUMEN SOAL SELIDIK</b>
A	Bahagian ini mengandungi 6 soalan untuk mendapat maklumat latar belakang responden.
B	Bahagian ini mengandungi 10 soalan yang menganalisis tahap pengetahuan guru mengenai teknik bacaan dialogik ( <i>dialogic reading</i> ).
C	Bahagian ini mengandungi 10 soalan yang menganalisis kemahiran guru terhadap teknik bacaan dialogik.
D	Bahagian ini mengandungi 5 soalan yang menganalisis keperluan pembinaan modul bacaan dialogik kepada guru-guru prasekolah di Prasekolah SJK(C) negeri Perak.

Hasil soal selidik responden dalam bahagian ini telah diukur dengan menggunakan skala Likert untuk mengukur pandangan responden terhadap sesuatu kenyataan. Skala Likert ini mengandungi lima nilai jawapan dan set maklum balas terhadap pandangan responden di antara nilai 1 hingga 5. Skala Likert didapati berguna untuk mengukur kebolehan, persepsi dan pandangan seseorang terhadap sesuatu isu atau perkara. Skala Likert tersebut adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.2.

**Jadual 1.2**  
 Skala Likert 5 Nilai

<b>Pernyataan</b>	<b>Sangat rendah</b>	<b>Rendah</b>	<b>Agak tinggi</b>	<b>Tinggi</b>	<b>Sangat tinggi</b>
Skor	1	2	3	4	5

Dalam suatu kajian, prosedur pengumpulan data merupakan perkara yang penting yang perlu dijalankan dengan teliti. Hal ini kerana data-data yang akan diperolehi merupakan dapatan yang perlu dikumpulkan dan dianalisis. Sebelum kajian dijalankan, beberapa langkah awal

perlu diambil antaranya ialah mendapatkan surat sokongan dari Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak untuk memohon kebenaran dari pihak berkenaan menjalankan kajian di prasekolah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di negeri Perak. Seterusnya, penyelidik telah berurusan dengan Jabatan Pendidikan Negeri Perak sebelum mengedarkan soal selidik kepada guru prasekolah SJK(C) di negeri Perak. Responden juga diberikan masa untuk melengkapkan soal selidik tersebut.

Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk menganalisis data. Data yang diperoleh daripada instrumen soal selidik telah direkodkan dan diproses serta dianalisis dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Package for The Sosial Science version 23* (SPSS-23). Analisis statistik deskriptif merupakan salah satu cara untuk menganalisis data-data berbentuk kuantitatif. Menurut Chua dalam Baharudin (2017) menyatakan statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan maklumat asas pemboleh ubah yang dikaji seperti min, sisihan piawai, median, mod dan kekerapan (frekuensi). Min merupakan hasil purata data-data atau skor-skor yang diperoleh daripada kajian yang dijalankan. Sisihan Piawai adalah petunjuk untuk menyatakan serakan skor-skor dalam sesuatu taburan. Sisihan Piawai ini digunakan untuk menentukan perbezaan skor, perhubungan dan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian yang dijalankan. Sisihan Piawai rendah pula menunjukkan bahawa skor-skor ialah homogenus, serakan antara markah rendah dan tinggi ialah kecil. Manakala, sisihan piawai tinggi pula menunjukkan bahawa skor-skor ialah heterogenus, serakan antara markah rendah dan tinggi adalah besar. Analisis deskriptif dalam kajian penyelidikan ini digunakan untuk menjawab objektif (i) mengenal pasti tahap kesedaran guru dari aspek pengetahuan dan kemahiran mengenai teknik bacaan dialogik; dan (ii) mengenal pasti tahap keperluan guru mengenai modul teknik bacaan dialogik.

Menurut Holmes dalam Azizah (2015), kajian rintis melibatkan pengumpulan data dan bukti daripada orang lain sebelum menjalankan kajian yang lebih besar. Sebelum kajian dilaksanakan, satu kajian rintis telah dilaksanakan. Instrumen soal selidik kajian ini telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan oleh penyelidik terhadap 30 orang guru prasekolah SJK(C) yang mengajar di negeri Pahang. Tujuan kajian rintis dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti kekurangan dan kebolehpercayaan dalam instrumen kajian supaya penyelidik dapat mengubahsuai item-item yang kurang jelas dan menyelesaikan masalah yang telah dihadapi dalam kajian rintis. Dengan ini, penyelidik dapat mengenal pasti kelemahan dalam borang soal selidik dan penyelidik dapat mengubah item-item yang tidak sesuai dalam borang soal selidik.

Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan *Cronbach Alpha* dalam SPSS-23. Dapatan borang soal selidik kajian ini telah ditunjukkan dalam Jadual 1.3 menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* secara keseluruhannya iaitu 0.960 bagi kajian rintis dan 0.925 bagi kajian sebenar. Analisis dapatan ini telah menunjukkan bahawa nilai *Cronbach Alpha* bagi instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah tinggi dimana nilainya adalah melepasi 0.7 dan nilai perbezaan *Cronbach Alpha* yang diperolehi antara kajian rintis dengan kajian sebenar adalah sebanyak -0.035.

### **Jadual 1.3**

Analisis Kebolehpercayaan Keseluruhan Instrumen Soal Selidik

Instrumen	Nilai <i>Cronbach Alpha</i>		Nilai Beza Alpha
	Kajian rintis	Kajian Sebenar	
Borang soal selidik	0.960	0.925	0.035

Selain itu, penyelidik juga membuat analisis kebolehpercayaan terhadap ketiga-tiga konstruk dalam borang soal selidik yang dikaji dengan menggunakan nilai *Cronbach Alpha*. Analisis kajian ini telah dilakukan ke atas kajian rintis dan kajian sebenar untuk melihat perbezaan nilai *Cronbach Alpha*. Hasil dapatan kajian rintis dan kajian sebenar ditunjukkan dalam Jadual 1.4 di bawah dengan jelas.

**Jadual 1.4**  
 Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Mengikut Konstruk

Konstruk	Nilai <i>Cronbach Alpha</i>		Nilai beza Alpha
	Kajian rintis	Kajian sebenar	
Pengetahuan guru mengenai teknik bacaan dialogik	0.937	0.934	0.003
Kemahiran guru mengenai teknik bacaan dialogik	0.896	0.901	0.005
Keperluan guru terhadap modul teknik bacaan dialogik	0.928	0.807	0.121
<b>Keseluruhan</b>	0.960	0.925	0.035

Berdasarkan Jadual 1.4, kajian sebenar telah menunjukkan kesemua konstruk mendapat nilai *Cronbach Alpha* yang tinggi iaitu semua konstruk melebihi 0.8. Konstruk pengetahuan guru mengenai teknik bacaan dialogik dalam kajian sebenar mendapat nilai pekali Alpha (0.934), konstruk kemahiran guru mengenai teknik bacaan dialogik mendapat (0.901) dan konstruk keperluan guru terhadap pembinaan modul teknik bacaan dialogik mendapat nilai (0.925).

## DAPATAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan semua guru prasekolah SJK(C) di negeri Perak dalam jumlah 86 orang responden. Responden kajian ini terdiri daripada guru-guru prasekolah SJK(C) yang berlainan tahap pendidikan dan pengalaman mengajar. Berdasarkan Jadual 1.5, responden kajian mempunyai tahap pendidikan yang berbeza. Terdapat 4 orang guru prasekolah SJK(C) mempunyai kelayakan akademik Ijazah Sarjana iaitu 4.7% daripada jumlah keseluruhan responden kajian. Seramai 70 orang responden guru prasekolah SJK(C) mempunyai kelayakan

akademik Ijazah Sarjana Muda yang mewakili 81.4% daripada jumlah keseluruhan responden kajian ini. Seramai 10 orang guru prasekolah pula mempunyai kelayakan STPM/ Diploma iaitu 11.6% daripada jumlah responden. Hanya 2 orang guru prasekolah mempunyai kelayakan SPM yang mewakili 2.3% daripada keseluruhan kajian ini.

**Jadual 1.5**  
 Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Tahap Pendidikan

<b>Tahap Pendidikan</b>	<b>Bilangan Responden</b>	<b>Peratus (%)</b>
SPM	2	2.3
STPM/DIPLOMA	10	11.6
IJAZAH SARJANA MUDA	70	81.4
IJAZAH SARJANA	4	4.7
Jumlah	86	100

Jadual 1.6 menunjukkan pengalaman mengajar responden kajian dalam fasa analisis keperluan. Seramai 43 orang responden kajian merupakan guru novis yang mempunyai pengalaman mengajar dalam 1 hingga 5 tahun (50%). Terdapat 10 orang responden mempunyai pengalaman mengajar dalam 6 hingga 10 tahun yang mewakili 11.6% daripada keseluruhan responden kajian. Seramai 14 orang responden (16.3%) mempunyai pengalaman mengajar dalam 11 hingga 15 tahun dan 16 orang responden (18.6%) pula mempunyai pengalaman mengajar dalam 16 hingga 20 tahun. Hanya 3 orang responden mempunyai pengalaman mengajar 26 hingga 30 tahun (3.5%).

**Jadual 1.6**  
 Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Pengalaman Mengajar

<b>Pengalaman Mengajar</b>	<b>Bilangan Responden</b>	<b>Peratus (%)</b>
1 hingga 5 tahun	43	50
6 hingga 10 tahun	10	11.6
11 hingga 15 tahun	14	16.3
16 hingga 20 tahun	16	18.6
26 hingga 30 tahun	3	3.5
Jumlah	86	100

Analisis deskriptif digunakan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran guru prasekolah mengenai teknik bacaan dialogik. Tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru mengenai teknik bacaan dialogik ini dapat dilihat melalui pengiraan min dan sisihan piawai. Jadual 1.7 menerangkan urutan, skor min dan tahap pengetahuan guru dan tahap kemahiran guru mengenai teknik bacaan dialogik berdasarkan instrumen yang dapat dilihat melalui tiga tahap iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi.

**Jadual 1.7**

Interpretasi Skor Min Dan Tahap Keperluan Modul Teknik Bacaan Dialogik Dari Pengetahuan Guru (PG), Kemahiran Guru (KG) dan Keperluan Pembinaan Modul (KPBM).

Skor Min	Tahap	Interpretasi
1.00 - 2.33	Rendah	PG – Tidak mengetahui teknik bacaan dialogik. KM – Tidak berkemahiran melaksanakan teknik bacaan dialogik di prasekolah. KPBM – Modul teknik bacaan dialogik tidak diperlukan di prasekolah.
2.331 - 3.66	Sederhana	PG – Kurang mengetahui teknik bacaan dialogik. KM – Kurang berkemahiran melaksanakan teknik bacaan dialogik di prasekolah. KPBM – Modul teknik bacaan dialogik amat diperlukan di prasekolah.
3.661 – 5.00	Tinggi	PG – Sangat mengetahui teknik bacaan dialogik. KM – Berkemahiran melaksanakan teknik bacaan dialogik di prasekolah. KPBM – Modul teknik bacaan dialogik sangat diperlukan di prasekolah.

**Persoalan 1: Apakah tahap kesedaran guru mengenai teknik bacaan dialogik?**

Tahap pengetahuan guru prasekolah mengenai teknik bacaan dialogik dapat dilihat melalui pengiraan min, frekuensi dan sisihan piawai. Dapatan kajian dan urutan tahap pengetahuan guru mengenai teknik bacaan dialogik dilihat melalui tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi berdasarkan skor min yang terdapat pada Jadual 1.8.

**Jadual 1.8**

Skor Min Tahap Pengetahuan Guru Mengenai Teknik Bacaan Dialogik

Jadual 1.8 menunjukkan taburan min bagi tahap pengetahuan guru prasekolah mengenai

Skor Min	Frekuensi	Peratus (%)	Tahap
< 2.33	11	12.8	Rendah
2.331 - 3.66	62	72.1	Sederhana
> 3.66	13	15.1	Tinggi

teknik bacaan dialogik. Bilangan menunjukkan seramai 11 orang guru iaitu (12.8%) mempunyai tahap yang rendah terhadap pengetahuan teknik bacaan dialogik dan 62 orang guru (72.1%) pula mempunyai tahap sederhana terhadap pengetahuan teknik bacaan dialogik. Hanya 13 orang guru iaitu (15.1%) mempunyai tahap pengetahuan mengenai teknik bacaan dialogik yang tinggi. Secara keseluruhannya tahap pengetahuan guru mengenai teknik bacaan dialogik adalah berada pada tahap rendah (Min =2.02, SP = 0.530).



**Jadual 1.9**

Min dan Sisihan Piawai Tahap Pengetahuan Guru Mengenai Teknik Bacaan Dialogik

Jadual 1.9 menunjukkan min dan sisihan piawai tahap pengetahuan guru mengenai teknik bacaan dialogik berdasarkan item. Item yang paling tinggi dalam tahap pengetahuan guru

Skor Min	Frekuensi	Peratus (%)	Tahap
< 2.33	10	11.6	Rendah
2.331 - 3.66	67	77.9	Sederhana
> 3.66	9	10.5	Tinggi

mengenai teknik bacaan dialogik adalah “bacaan dialogik dapat memupuk minat kanak-kanak terhadap bahan bacaan Bahasa Melayu” nilai (M=3.95, S.P=0.431). Manakala, item yang paling rendah dalam tahap pengetahuan guru mengenai teknik bacaan dialogik adalah “saya memahami cara melaksanakan CROWD yang terdapat dalam teknik bacaan dialogik” nilai (M=2.34, S.P=0.928).

**Jadual 1.10**

Skor Min Tahap Kemahiran Guru Mengenai Teknik Bacaan Dialogik

Bil	Item	Min	S.P
1.	Saya sentiasa melaksanakan teknik berkongsi cerita Bahasa Melayu dalam pengajaran di prasekolah.	3.05	0.906
2.	Saya berpengetahuan tentang teknik bacaan dialogik ( <i>dialogic reading</i> ) dalam pengajaran di prasekolah.	2.45	0.821
3.	Saya berpengetahuan tentang langkah-langkah pelaksanaan teknik bacaan dialogik.	2.44	0.820
4.	Saya memahami prosedur melaksanakan bacaan dialogik di dalam kelas	2.48	0.864
5.	Saya memahami cara melaksanakan PEER yang terdapat dalam teknik bacaan dialogik.	2.39	0.923
6.	Saya memahami cara melaksanakan CROWD yang terdapat dalam teknik bacaan dialogik.	2.33	0.928
7.	Saya tahu apa yang harus dilakukan sekiranya diminta melaksanakan teknik bacaan dialogik di dalam kelas	2.57	0.914
8.	Saya bersetuju penggunaan bacaan dialogik dalam subjek Bahasa Melayu dapat meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu murid-murid prasekolah.	3.72	0.546
9.	Bacaan dialogik adalah kaedah yang baik untuk membantu menangani masalah perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak.	3.90	0.461
10.	Bacaan dialogik dapat memupuk minat kanak-kanak terhadap bahan bacaan Bahasa Melayu.	3.95	0.431

Jadual 1.10 menunjukkan taburan min bagi tahap kemahiran guru mengenai teknik bacaan dialogik. Bilangan menunjukkan seramai 10 orang murid prasekolah iaitu (11.6%) mempunyai tahap yang rendah dalam tahap kemahiran guru prasekolah mengenai teknik bacaan dialogik manakala seramai 67 orang guru prasekolah iaitu (77.9%) mempunyai tahap yang sederhana dalam tahap kemahiran mengenai teknik bacaan dialogik. Hanya 9 orang guru berkemahiran melaksanakan teknik bahan bacaan dialogik iaitu (10.5%) mempunyai tahap

yang tinggi mengenai teknik bacaan dialogik. Secara keseluruhannya tahap kemahiran guru mengenai teknik bacaan dialogik adalah berada pada tahap rendah (Min=1.99, SP=0.473).

**Jadual 1.11**

Min dan Sisihan Piawai Tahap Kemahiran Guru Mengenai Teknik Bacaan Dialogik.

<b>Bil</b>	<b>Domain</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>
1.	Saya berkemahiran melaksanakan teknik bacaan dialogik ( <i>dialogic reading</i> ) di prasekolah.	2.21	0.869
2.	Saya dapat melaksanakan teknik bacaan dialogic di prasekolah dengan cara yang tepat.	2.17	0.723
3.	Saya dapat melaksanakan teknik bacaan dialogik di prasekolah tanpa bantuan orang lain.	2.21	0.721
4.	Saya dapat melaksanakan PEER yang terdapat dalam teknik bacaan dialogik.	2.17	0.842
5.	Saya dapat melaksanakan CROWD yang terdapat dalam teknik bacaan dialogik.	2.12	0.803
6.	Saya berminat melaksanakan teknik bacaan dialogik dalam pengajaran prasekolah terutamanya subjek Bahasa Melayu.	2.77	0.836
7.	Saya mempunyai sikap positif semasa melaksanakan bacaan dialogik dalam pengajaran terutamanya subjek Bahasa Melayu.	3.15	0.790
8.	Saya bersetuju teknik bacaan dialogik dilaksanakan di prasekolah (SJJC) kerana teknik ini dapat menarik minat kanak-kanak terhadap subjek Bahasa Melayu.	3.85	0.564
9.	Guru prasekolah perlu mengetahui bagaimana melaksanakan teknik bacaan dialogik dalam meningkatkan kemahiran literasi murid-murid di prasekolah (SJJC)	4.14	0.464
10.	Guru prasekolah perlu berkemahiran dalam menggunakan teknik bertanya dalam sesi berkongsi cerita untuk membimbing kanak-kanak memberi pandangan mereka terhadap cerita yang didengar.	4.14	0.489

Jadual 1.11 menunjukkan min dan sisihan piawai tahap kemahiran guru prasekolah mengenai teknik bacaan dialogik. Terdapat dua item yang paling tinggi dalam tahap kemahiran guru adalah “guru prasekolah perlu mengetahui bagaimana melaksanakan teknik bacaan dialogik dalam meningkatkan kemahiran literasi murid-murid di prasekolah (SJJC)” nilai (M=4.14, S.P=0.464) dan “guru prasekolah perlu berkemahiran dalam menggunakan teknik bertanya dalam sesi berkongsi cerita untuk membimbing kanak-kanak memberi pandangan mereka terhadap cerita yang didengar” nilai (M=4.14, S.P=0.489). Manakala, item yang paling rendah dalam tahap kemahiran guru mengenai teknik bacaan dialogik adalah “saya dapat melaksanakan teknik CROWD yang terdapat dalam teknik bacaan dialogik” nilai (M=2.12, S.P=0.803).

**Persoalan 2: Apakah tahap keperluan guru mengenai modul teknik bacaan dialogik di prasekolah SJK(C).?**

**Jadual 1.12**  
*Skor Min Keperluan Pembinaan Modul Teknik Bacaan Dialogik*

Jadual 1.12 menunjukkan taburan min bagi tahap keperluan pembinaan modul teknik bacaan

Skor Min	Frekuensi	Peratus (%)	Tahap
< 2.33	0	0	Rendah
2.331 - 3.66	7	8.1	Sederhana
> 3.66	79	91.9	Tinggi

dialogik. Bilangan menunjukkan seramai 79 orang guru prasekolah iaitu (91.9%) mempunyai keperluan pembinaan modul bacaan dialogik pada tahap tinggi manakala hanya 7 orang guru prasekolah iaitu (8.1%) mempunyai tahap yang sederhana terhadap keperluan pembinaan modul bacaan dialogik. Secara keseluruhannya tahap keperluan pembinaan modul bacaan dialogik adalah berada pada tahap tinggi (Min=4.25, SP=0.461).

**Jadual 1.13**  
 Min dan Sisihan Piawai Tahap Keperluan Pembinaan Modul Teknik Bacaan Dialogik.

Bil	Item	Min	S.P
1.	Bacaan dialogik ( <i>dialogic reading</i> ) adalah strategi yang mendorong perbincangan antara guru dengan murid mengenai cerita.	4.05	0.650
2.	Mengemukakan soalan yang berkaitan dengan kehidupan kanak-kanak adalah penting semasa menggunakan teknik bacaan dialogik.	4.26	0.636
3.	Bacaan dialogik dapat mendorong kanak-kanak menjadi pencerita dari masa ke masa dan bukan hanya menjadi pendengar.	4.29	0.591
4.	Cerita rakyat dapat menarik minat dan motivasi kanak-kanak terhadap buku cerita serta dapat memahami warisan dahulu.	4.09	0.644
5	Modul/garisan panduan teknik bacaan dialogik perlu dibina untuk membimbing guru prasekolah dalam melaksanakan teknik bacaan dialogik di prasekolah.	4.57	0.543

Jadual 1.13 pula menunjukkan min dan sisihan piawai keperluan pembinaan modul teknik bacaan dialogik melalui cerita rakyat. Item yang paling tinggi dalam keperluan pembinaan modul teknik bacaan dialogik adalah “modul/garis panduan teknik bacaan dialogik perlu dibina untuk membimbing guru prasekolah dalam melaksanakan teknik bacaan dialogik di prasekolah” nilai (M=4.57, S.P=0.543). Manakala, item yang paling rendah dalam keperluan pembinaan modul teknik bacaan dialogik adalah “bacaan dialogik (*dialogic reading*) adalah strategi yang mendorong perbincangan antara yang mendorong perbincangan antara guru dengan murid mengenai cerita” nilai (M=4.05, S.P=0.650).

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan keputusan borang soal selidik, penyelidik mendapati tahap pengetahuan dan tahap kemahiran 86 orang guru prasekolah di negeri Perak terhadap teknik bacaan dialogik secara kesimpulannya adalah pada tahap yang rendah walaupun mereka pernah menghadiri kursus. Dapatan analisis keperluan modul berdasarkan borang soal selidik pula mendapat keputusan dapatan tahap yang tinggi di mana semua responden sangat memerlukan pembinaan modul bacaan dialogik dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) subjek Bahasa Melayu. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru prasekolah di negeri Perak memerlukan pendedahan terhadap teknik bacaan dialogik. Oleh itu, modul teknik bacaan dialogik perlu dibina sebagai garis panduan kepada guru supaya mereka dapat menggunakan teknik bacaan dialogik dengan berkesan dan dapat membantu meningkatkan penguasaan bahasa, minat dan motivasi murid terhadap subjek Bahasa Melayu.

Berdasarkan dapatan kajian, penyelidik juga mendapati para responden jarang melaksanakan aktiviti bercerita terutamanya subjek Bahasa Melayu di prasekolah. Modul bacaan dialogik ini dibina bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru mengenai teknik bacaan dialogik serta meningkatkan perkembangan bahasa murid-murid yang belajar di prasekolah SJK(C). Pendapat ini selari dengan pendapat Sharbati (2017) yang menyatakan guru-guru perlu menggunakan pendekatan yang berkesan di mana murid-murid dilatih untuk menguasai pelbagai strategi agar dapat meningkatkan kemahiran membaca mereka.

Bacaan dialogik adalah teknik membaca yang sangat berkesan untuk meningkatkan perkembangan bahasa kanak-kanak umur prasekolah. Pendapat ini dapat dibuktikan dengan kajian Beschomer dan Hutchison dalam kajian Yurtbakan et al., (2021) yang menyatakan bacaan dialogik dapat mengembangkan perbendaharaan kata kanak-kanak. Oleh itu, ibu bapa dan guru-guru pada hari ini amat diperlukan memaklumkan mengenai teknik bacaan dialogik. Teknik bacaan dialogik perlu disebarkan menerusi interaktif seminar atau laman internet untuk guru dan ibu bapa kerana penggunaan bacaan dialogik jarang dilaksanakan dalam pendidikan Malaysia.

Kajian ini memberi implikasi dalam bentuk ilmu pengetahuan kepada pihak-pihak seperti pendidikan prasekolah di peringkat kementerian dan institusi pendidikan swasta untuk menyediakan guru yang terlatih dalam bidang pendidikan prasekolah di mana guru-guru perlu diberikan pendedahan dalam teknik bacaan dialogik supaya pengetahuan dan kemahiran yang mereka peroleh ini dapat digunakan semasa mengajar dan melaksanakan pengetahuan ini kepada kanak-kanak. Pengalaman guru, tahap kesediaan kanak-kanak, perbezaan individu dalam kalangan kanak-kanak perlu diambil kira untuk menjayakan kajian ini. Implikasi kajian ini adalah pembinaan modul teknik bacaan dialogik amat diperlukan dalam prasekolah SJK(C) untuk menjadi garis panduan kepada guru-guru prasekolah dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) subjek Bahasa Melayu.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini telah menunjukkan kesedaran guru dalam aspek pengetahuan dan kemahiran terhadap teknik bacaan dialogik berada pada tahap yang rendah. Dapatan kajian ini juga menunjukkan guru-guru prasekolah SJK(C) amat memerlukan modul teknik bacaan dialogik dibina supaya dapat meningkat penguasaan bahasa murid-murid dalam subjek Bahasa Melayu. Adalah diharapkan hasil kajian ini akan memberi manfaat kepada para guru dan kanak-kanak prasekolah dalam mengenali satu teknik yang amat berkesan dalam membantu meningkatkan penguasaan bahasa murid-murid dalam subjek Bahasa Melayu. Sesungguhnya permasalahan

yang dipaparkan dalam kajian ini bukan sesuatu masalah yang kecil, malah ia perlu diselesaikan sebelum kanak-kanak prasekolah melangkah ke Tahun Satu. Kegagalan untuk menguasai kemahiran membaca menjurus kepada masalah penguasaan sesuatu bahasa. Oleh itu, harapan penyelidik semoga kajian ini dijadikan sebagai panduan dan dapat membuka mata semua pihak betapa pentingnya teknik yang diaplikasikan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

## **RUJUKAN**

- Ayob, A. (2017). Kesan pembelajaran menerusi penggunaan bahan bacaan interaktif berasaskan laman web terhadap kefahaman membaca kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 6(1), 1 - 17.
- Baharudin, N. F. (2017). Pembinaan dan penilaian modul PBM-SC2 dan kesan terhadap KBAT, motivasi dan refleksi dalam kalangan pelajar (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Grolig, L., Cohrdes, C., Tiffin-Richards, S. P., & Schroeder, S. (2020). *Narrative dialogic reading with wordless picture books: A cluster-randomized intervention study*. *Early Childhood Research Quarterly*, 51, 191-203.
- HWA, O. C. (2018). Keberkesanan modul dalam meningkatkan penguasaan imbuhan Men dan pen dalam kalangan murid SJKC.
- Ngu, K. S. (2016). Pembangunan modul kurikulum intergenerasi berasaskan perkongsian kemahiran/Ngu Kee Shing (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Nor, N. M. M., Mohammad, W. M. R. W., & Mokhtar, S. (2020). Analisis kandungan kemahiran Bahasa Melayu dalam kurikulum prasekolah di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(1), 46-67.
- Nur Shakirah Azizan & Muhammad Saiful Haq Hussin. 2017. Penguasaan asas membaca Bahasa Melayu melalui program LINUS di utara semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu* 28: 135-163.
- Peng C.F. (2015). Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. 2180-4842. Vol. 5, Bil. 2 1-11
- Sharbati, H. (2017). *The effect of reciprocal teaching on Iranian pre-intermediate EFL learners' reading comprehension*. *International Journal of Modern Language Teaching and Learning*, 2(1), 41-53.
- Şimşek, Zeynep & Işıkoğlu Erdoğan, Nesrin. (2015). *Effects of the Dialogic and Traditional Reading Techniques on Children's Language Development*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 197. 754-758.10.1016/j.sbspro.2015.07.172.
- Ward, M. (2018). *Parent Implemented Adapted Dialogic Reading with Preschoolers with Autism*.
- Whitehurst, G. J., Falco, F. L., Lonigan, C., Fischel, J. E., DeBaryshe, B. D., Valdez- Menchaca, M. C., & Caulfield, M. (1988). *Accelerating language development through picture book reading*. *Developmental Psychology*, 24, 552–559.
- Yurtbakan, E., Erdoğan, Ö., & Erdoğan, T. (2021). Impact of Dialogic Reading on Reading Motivation. *Egitim ve Bilim*, 46(206).
- Yu, C.D (2018). Keberkesanan kaedah token ekonomi untuk meningkatkan pencapaian, motivasi dan penglibatan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (Master Thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris)
- Zain, A. (2015). Pelaksanaan modul projek penyiasatan dalam meningkatkan komunikasi dan kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).